



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 28 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



PIHAK MCBA berjaya 146,720 liter diesel bersubsidi di Krokop Utama, Miri kelmarin. – GAMBAR HIASAN

Sindiket seleweng diesel di Miri lumpuh

MIRI – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) berjaya melumpuhkan sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang beroperasi di sekitar daerah ini kelmarin.

MCBA dalam kenyataan berkata, sepasukan polis dari Bukit Aman bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Miri menyerbu sebuah stor tidak bernombor di Krokop Utama dan melakukan rampasan bernilai RM32 juta.

"Hasil serbuan tersebut, enam individu ditahan termasuk warga tempatan dan warga Indonesia yang dipercayai terlibat dalam kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi.

"Turut dirampas dua bot tunda, sebuah kapal tangki minyak, tiga unit pam, sebuah trak pikap, sebuah lori, sebuah tangki sim-

panan, dua tangki besi, dua tangki IBC, dan 146,720 liter minyak disyaki minyak diesel bersubsidi," katanya semalam.

Menurutnya, kesemua tangkapan dan rampasan diserahkan kepada KPDN Miri untuk tindakan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, kejayaan operasi itu merupakan hasil kerjasama erat antara agensi-agensi penguatkuasaan dalam usaha membanteras kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang merugikan negara.

"MCBA dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman akan terus komited menjalankan operasi-operasi sebegini bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara," tambahnya.

Hasil penjimatan subsidi bersasar disalur kepada rakyat

Kuala Lumpur: Penyasaran subsidi diesel mampu merasionalisasikan perbelanjaan kerajaan apabila penjimatan RM4 bilion di peringkat awal kelak dapat disalurkan kepada rakyat, kata Penganalisis Ekonomi, Prof Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid.

Menurutnya, apabila langkah itu berjaya, maka ia diperluaskan ke seluruh negara dan merangkumi bahan api lain seperti RON95 serta barangan keperluan yang menerima subsidi secara pukal pada masa ini.

"Sekiranya subsidi diesel bersasar ini berjaya dilaksanakan, kerajaan berupaya mengurangkan defisit belanjawan negara setiap tahun.

"Penjimatan rasionalisasi pendapatan kerajaan ini dapat digunakan dengan lebih bijak iaitu memfokuskan kepada pembangunan ekonomi negara supaya lebih mampan dan berdaya saing.

"Pada peringkat ini, kerajaan dapat melihat penjimatan perbelanjaan, mengurangkan defisit hutang serta menstruktur semula perbelanjaan negara secara mampan," katanya.

Katanya, bagaimanapun, penstruktur semula subsidi diesel itu tidak mengurangkan belanja atau hutang kerajaan (RM1.2 trilion) dalam jangka pendek, kerana penjimatan ini disalurkan semula kepada rakyat serta-merta.

Pada masa sama, Aimi Zulhazmi berkata, tidak dinafikan berlaku kesan gandaan ekonomi iaitu kenaikan kadar inflasi apabila kos pengangkutan dan logistik dinaikkan.

Oleh itu katanya, langkah kerajaan untuk meminimumkan sebanyak mungkin kenaikan harga barang terbabit dengan mengadakan sistem kawalan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) iaitu membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis pengangkutan kargo.

"Pelaksanaan atau penstruktur semula ini mengambil masa untuk mencapai keberkesannya.

Kerjasama semua pihak harus dipupuk dalam mencapai hasrat memajukan Malaysia.

"Selain itu, ketirisan perlu ditangani dengan penguatkuasaan tegas tanpa kompromi perlu diperlihatkan.

"Ia sesuatu yang bukan mudah kerana merubah kebiasaan puluhan tahun dan juga memerlukan komitmen mental dan komunikasi baik dengan semua golongan masyarakat," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kabinet bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi bahan api bermula dengan diesel membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

"Ketirisan perlu ditangani dengan penguatkuasaan tegas tanpa kompromi perlu diperlihatkan."

Aimi Zulhazmi

Boleh mohon subsidi diesel mulai hari ini

Mereka yang layak terima Budi Madani RM200 sebulan susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
SHAH ALAM

Permohonan bagi program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil komoditi akan dibuka bermula pada Selasa.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, penerima yang layak akan menerima Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Menurutnya, pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak boleh membuat permohonan itu di bawah kategori Budi Individu manakala petani dan pekebun ke-

cil pula Budi Agri-Komoditi.

Beliau berkata, kriteria kelayakan Budi Individu membabitkan pemohon warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, cukai jalan aktif serta pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 ke bawah.

"Setiap permohonan yang diterima akan disemak silang dengan data di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mengecualikan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi.



AMIR HAMZAH

"Selain itu, bagi kelayakan Budi Agri-Komoditi, pemohon mesti berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

"Pemohon di bawah kategori ini juga perlu aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000," katanya pada Isnin.

Pada Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Jemaah

Menteri bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel yang hanya akan melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Namun keputusan itu tidak melibatkan pengguna Sabah dan Sarawak kerana penduduk di sana kebanyakannya menggunakan diesel untuk urusan seharian.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, permohonan boleh dibuat secara talian di laman web <https://budimadani.gov.my/> yang akan dibuka sepanjang tahun.

"Bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun, pemohon akan menerima Budi Madani pertama menjelang pertengahan Jun dan bantuan seterusnya akan disalurkan secara bulanan.

"Bagi permohonan yang diluluskan selepas 3 Jun pula akan menerima Budi Madani pertama dalam tempoh dua minggu dan seterusnya secara bulanan.

"Ia akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima setiap bulan manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntutnya secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, Amir Hamzah berkata, program tersebut melengkapi usaha sedia ada kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel melalui sistem MySubsidi Diesel

Untuk memohon dan mengetahui lebih lanjut berhubung syarat kelayakan Budi Madani, boleh layari <https://budimadani.gov.my> atau boleh menghubungi talian bantuan Budi Madani di nombor 1-800-88-2747/03-8882 4565/03-8882 4566 atau e-mel di alamat budimadani@treasury.gov.my. Pertanyaan dan maklumat lanjut juga boleh diperolehi di semua pejabat LHDNM seluruh Semenanjung Malaysia.

yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ujar beliau, setakat ini, hampir 90,000 'Fleet Card' dikeluarkan kepada syarikat di bawah sektor pengangkutan awam dan barangan darat.

"Kad ini membolehkan syarikat logistik yang layak untuk membeli minyak diesel bersubsidi di stesen minyak bagi memastikan kesan kos yang minimum kepada rantai nilai logistik serta bekalan dan secara langsung mengurangkan risiko kenaikan harga barangan.

"Dengan pelaksanaan ini, kerajaan telah memperluas bantuan tunai kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi menjelang pelaksanaan penyasaran subsidi diesel," katanya.

BUDI MADANI PROGRAMME

RM200 monthly diesel subsidy aid for eligible recipients

KUALA LUMPUR: The Finance Ministry yesterday announced a diesel subsidy aid programme involving a monthly allocation of RM200 for eligible people, as well as agriculture and commodity smallholders.

The eligibility criterion for the Budi Madani programme requires applicants to be Malaysian citizens who own a private diesel vehicle registered with the Road Transport Department (RTD).

"The vehicle must have valid road tax, and the annual income of the individual or their spouse

must be RM100,000 or below.

"However, luxury vehicles under 10 years old are excluded from eligibility."

The ministry said it would cross-check applications with the Inland Revenue Board to exclude owners of luxury vehicles under 10 years and high-income individuals (T20).

Meanwhile, for the Budi Agri-Commodity category for small-scale farmers and smallholders, applicants must be registered with relevant agencies under the Agriculture and Food Security

Ministry or the Plantation and Commodities Ministry.

"They must also be an active commodity farmer or smallholder with annual agricultural sales of between RM50,000 and RM300,000."

The ministry said early applications for the Budi Individual and Budi Agri-Commodity categories were open until mid-June.

"Applications can be made at <https://budimadani.gov.my>, open throughout the year.

"For applications submitted and approved before June 3, ap-

plicants will receive their first Budi Madani by mid-June, with subsequent assistance disbursed monthly. For applications approved after June 3, the first Budi Madani will be received within two weeks, followed by monthly disbursements."

The aid will be credited into the recipient's bank account each month. Recipients without bank accounts can collect the aid in cash at a Bank Simpanan Nasional branch in Peninsular Malaysia.

The ministry added that this initiative complemented the Do-

mestic Trade and Cost of Living Ministry's MySubsidi fleet card programme.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the Budi Madani programme expanded Putrajaya's aid coverage ahead of the implementation of targeted diesel subsidies.

"As Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has said consistently, targeted subsidies are a key reform measure under the Madani Economy framework to build a financially sustainable and competitive Malaysia.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



INFLASI dijangka bertambah kepada 2.7 peratus berbanding 2.5 peratus tahun lalu dipacu oleh permintaan bertambah dalam pasaran domestik. – GAMBAR HIASAN

Rasionalisasi subsidi diesel beri impak kecil pada inflasi

PETALING JAYA – Langkah rasionalisasi subsidi diesel yang mungkin berkuat kuasa tidak lama lagi dijangka memberi kesan minimum terhadap inflasi secara keseluruhan, menurut Kenanga Investment Bank.

Katanya dalam nota penyelidikan yang diterbitkan semalam, hal ini terutamanya disebabkan oleh pengecualian yang diberikan kepada kebanyakan kenderaan pengangkutan awam dan barangan serta di Sabah dan Sarawak.

"Pengecualian tersebut seharusnya akan meminimumkan kesan pemindahan (kenaikan kos) ke atas harga barangan dan perkhidmatan.

"Pada masa sama, ketidakpastian masih berterusan mengenai tempoh masa dan mekanisme rasionalisasi subsidi RON95 yang berpotensi memberi tekanan ketara ke atas harga pengguna," katanya.

Kenanga mengekalkan ramalan inflasi keseluruhan tahun ini pada 2.7 peratus (2023: 2.5 per-

tus) dengan risiko peningkatan berpunca terutama daripada dasar domestik.

Jabatan Perangkaan minggu lalu mengumumkan kadar inflasi yang perlahan sebanyak 1.8 peratus pada April lalu apabila subkomponen utama seperti perumahan dan makanan kekal tidak berubah.

Menurut Kenanga, prospek kenaikan harga dilihat agak terkawal dengan inflasi dijangka kekal pada paras bawah tiga peratus untuk tahun mendatang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 MEI 2024 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-May	MP: Kaamatan Festival platform to forge unity	https://www.dailyexpress.com.my/news/235048/mp-kaamatan-festival-platform-to-forge-unity/	DAILY EXPRESS
28-May	Sindiket seleweng minyak diesel bersubsidi di Miri lumpuh	https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi-di-miri-lumpuh/	BULETIN TV3
28-May	Sindiket tumpas diesel subsidi RM32 juta dirampas	https://www.kosmo.com.my/2024/05/27/sindiket-tumpas-diesel-subsidi-rm32-juta-dirampas/	KOSMO
28-May	Harga maksimum sayap ayam RM16.50 sekilogram sempena Kaamatan	https://beritasabah.com/harga-maksimum-sayap-ayam-rm16-50-sekilogram-sempena-kaamatan/	BERITA SABAH
28-May	Domestic Trade Ministry seizes 70,000 litres of subsidised diesel in Johor	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/26/domestic-trade-ministry-seizes-70000-litres-of-subsidised-diesel-in-johor/136623	MALAY MAIL
28-May	Program Bantuan Subsidi Madani dibuka untuk permohonan -MoF	https://www.dagangnews.com/index.php/article/program-bantuan-subsidi-madani-dibuka-untuk-permohonan-mof-37623	DAGANG NEWS
28-May	Permohonan subsidi diesel BUDI MADANI RM200 sebulan dibuka esok	https://malaysiagazette.com/2024/05/27/permohonan-subsidi-diesel-budi-madani-rm200-sebulan-dibuka-esok/	MALAYSIA GAZETTE
28-May	MoF: Budi subsidy registration for B40, M40 diesel vehicle owners in Peninsular Malaysia opens tomorrow	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/27/mof-budi-subsidy-registration-for-b40-m40-diesel-vehicle-owners-in-peninsular-malaysia-opens-tomorrow/136749	MALAY MAIL
28-May	Permohonan subsidi diesel Budi Madani RM200 sebulan dibuka mulai esok	https://www.sinarharian.com.my/article/667002/berita/nasional/permohonan-subsidi-diesel-budi-madani-rm200-sebulan-dibuka-mulai-esok	SINAR HARIAN

28-May	Pemilik kenderaan diesel golongan B40, M40 di Semenanjung layak mohon BUDI MADANI	https://thesun.my/cerita/berita/pemilik-kenderaan-diesel-golongan-b40-m40-di-semenanjung-layak-mohon-budi-madani-0012499869	THE SUN
28-May	Pemilik kenderaan diesel golongan B40, M40 di Semenanjung layak mohon BUDI Madani	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1094842/pemilik-kenderaan-diesel-golongan-b40-m40-di-semenanjung-layak-mohon-budi	HARIAN METRO
28-May	Putrajaya: Applications for targeted diesel subsidies open on Tuesday	https://www.theedgemalaysia.com/node/713167	THE EDGE MALAYSIA
28-May	Pemilik kenderaan diesel golongan B40, M40 di Semenanjung layak mohon BUDI MADANI	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-kenderaan-diesel-golongan-b40-m40-di-semenanjung-layak-mohon-budi-madani-472414	ASTRO AWANI
28-May	Permohonan BUDI MADANI dibuka esok	https://www.wilayahku.com.my/permohonan-budi-madani-dibuka-esok/	WILAYAHKU
28-May	Bantuan tunai subsidi diesel sektor pertanian di bawah inisiatif BUDI Agri-Komoditi	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/27/bantuan-tunai-subsidi-diesel-sektor-pertanian-di-bawah-inisiatif-budi-agri-komoditi	UTUSAN BORNEO
28-May	Subsidi diesel: Pengusaha sektor pertanian perlu daftar dengan GeoAgro	https://www.malaysiakini.com/news/706867	MALAYSIA KINI
28-May	BUDI MADANI: Pengusaha sektor pertanian perlu berdaftar dengan GeoAgro	https://www.buletintv3.my/nasional/budi-madani-pengusaha-sektor-pertanian-perlu-berdaftar-dengan-geoagro/	BULETIN TV3
28-May	Bantuan tunai subsidi diesel: Pengusaha sektor pertanian perlu berdaftar dengan Geo-Agro	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bantuan-tunai-subsidi-diesel-pengusaha-sektor-pertanian-perlu-berdaftar-dengan-geoagro-472426	ASTRO AWANI
28-May	Diesel subsidy: Those in agricultural sector must be registered with GeoAgro - KPKM	https://thesun.my/local_news/diesel-subsidy-those-in-agricultural-sector-must-be-registered-with-geoagro-kpk-m-DG12500650	THE SUN

28-May	Bantuan tunai subsidi diesel : Pengusaha sektor pertanian perlu berdaftar dengan GeoAgro	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1094875/bantuan-tunai-subsidi-diesel-pengusaha-sektor-pertanian-perlu-berdaftar	HARIAN METRO
28-May	Bantuan subsidi diesel, pengusaha sektor tani perlu daftar sistem GeoAgro	https://selangorkini.my/2024/05/bantuan-subsidi-diesel-pengusaha-sektor-tani-perlu-daftar-sistem-geoagro/	SELANGOR KINI
28-May	Petani, penternak perlu daftar sistem KPKM untuk nikmati BUDI MADANI	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1252105/petani-penternak-perlu-daftar-sistem-kpk-m-untuk-nikmati-budi-madani	BERITA HARIAN
28-May	Bantuan tunai subsidi diesel: Pengusaha sektor pertanian perlu berdaftar dengan Geo-Agro	https://www.tvsarawak.my/2024/05/27/bantuan-tunai-subsidi-diesel-pengusaha-sektor-pertanian-perlu-berdaftar-dengan-geoagro/	TV SARAWAK
28-May	JWP fokus selesai isu IM-M13 di Labuan dan warga asing di KL	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jwp-fokus-selesai-isu-imm13-di-labuan-dan-warga-asing-di-kl-472433	ASTRO AWANI
28-May	JWP fokus selesai isu IM-M13 di Labuan dan warga asing di KL	https://www.buletintv3.my/nasional/jwp-fokus-selesai-isu-imm13-di-labuan-dan-warga-asing-di-kl/	BULETIN TV3
28-May	JWP fokus selesai isu IM-M13 di Labuan, warga asing di KL	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1094886/jwp-fokus-selesai-isu-imm13-di-labuan-warga-asing-di-kl	HARIAN METRO
28-May	Dr Zaliha: FT Dept to focus on resolving IMM13 in Labuan, foreign immigrants in KL	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/27/dr-zaliha-ft-dept-to-focus-on-resolving-imm13-in-labuan-foreign-immigrants-in-kl/136800	MALAY MAIL
28-May	Lapan barangan disenarai harga terkawal sempena Gawai	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/27/lapan-barangan-disenarai-harga-terkawal-sempena-gawai	UTUSAN BORNEO
28-May	Gawai Dayak 2024: 8 goods under maximum price scheme in Sibul	https://dayakdaily.com/gawai-dayak-2024-8-goods-under-maximum-price-scheme-in-sibu/	DAYAK DAILY
28-May	'Pesta Kaamatan platform cari titik persamaan'	https://www.dailyexpress.com.my/news/235068/pesta-kaamatan-platform-cari-titik-persamaan/	DAILY EXPRESS